

## **A. Maklumat Hari Landskap**

1. Tarikh : 23 hingga 25 Mei 2008
2. Masa : 9.00 am hingga 6.30 pm
3. Tema : Warna – warni Bandaraya Miri
4. Tempat : Taman Bulatan , Miri
5. Yuran: Percuma kecuali bagi kategori Promosi dan Jualan Produk Landskap iaitu RM400 untuk tiga hari.
6. Tarikh Tutup Penyertaan : 16 Mei 2008
7. Borang Penyertaan boleh didapati di Bahagian Landskap dan Seksyen Perhubungan Awam, MBM .
8. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada;

Pegawai Hortikultur,  
Bahagian Landskap ,  
Majlis Bandaraya Miri ,  
Paras 2A , Bangunan Letek Kereta MBM,  
Jalan Chia Tze Chin ,  
98000, Miri , Sarawak.  
No. Fax : 085 415486

## **B. Kategori dan Syarat-syarat Pertandingan**

### **1. Kategori Pertandingan dan Pameran Taman Mini**

- Terbuka kepada semua ( Agensi Kerajaan , Swasta , Sekolah , NGO, dll.)
- Peserta diberi lot ( kasawan lapang ) yang bersaiz 10m x 10 m .
- Berdasarkan lot yang diberikan , peserta dikehendaki mereka bentuk dan seterusnya membina Taman Mini mengikut tema Hari Landskap.
- Elemen dan komponen dalam taman adalah bebas yang meliputi penggunaan landskap lembut ( tanaman hiasan ) dan landskap kejur ( Perabot taman , elemen air , gazebo , pergola , lampu hiasan dan sebagainya ) .
- Konsep pasang siap adalah digalakkan .
- Kerja-kerja pembinaan boleh dimulakan mulai 14 Mei 2008 dan mesti siap pada 22 Mei 2008 .
- Penilaian adalah berdasarkan kreativiti , reka bentuk dan kesesuaian dengan tema.
- Penghakiman akan diadakan pada 23 Mei 2008 .
- Taman mini/ bahan pameran perlu ditanggalkan mulai 26 Mei 2008 .
- Hadiah(Tidak termasuk pameran taman Mini ) : 3 Anugerah iaitu berdasarkan kreativiti , tema dan reka bentuk.

Pertama : RM1000 dan Sijil  
Kedua : RM800 dan Sijil  
Ketiga : RM600 dan Sijil

### **2. Pertandingan Gubahan Bunga**

- Terbuka kepada semua kecuali pengusaha bunga keratan .
- Bahan dan aksesori gubahan adalah bebas kecuali bunga hendaklah menggunakan keratan bunga hidup .
- Peserta perlu menyediakan bahan dan peralatan yang digunakan .
- Peserta diberi 45 minit untuk menghasilkan gubahan bunga .
- Penilaian adalah berdasarkan kreativiti , kombinasi gubahan , kecantikan dan kekemasan .
- Penghakiman akan dijalankan sebaik sahaja gubahan bunga selesai dijalankan .
- Pertandingan gubahan bunga akan diadakan pada 24 Mei 2008 , jam 9.00 am .
- Hadiah :  
Pertama : RM300 dan Sijil  
Kedua : RM200 dan Sijil  
Ketiga : RM100 dan Sijil

### **3. Pertandingan Bunga Unik**

- Terbuka kepada semua kecuali pengusaha Tapak Semaian.
- Seorang peserta hanya dibenarkan menghantar 3 penyertaan
- Bunga unik ini hendaklah dipamerkan mulai 23 Mei 2008 sehingga 25 Mei 2008.
- Penilaian adalah berdasarkan keunikan bunga dari segi bunga , daun , batang dan keseluruhan pokok (Tidak termasuk Bonsai ) .
- Penghakiman akan diadakan pada petang 23 Mei 2008.
- Hadiah :

Pertama	: RM300 dan Sijil
Kedua	: RM200 dan Sijil
Ketiga	: RM100 dan Sijil

#### **4. Promosi dan Jualan**

- Terbuka kepada pengusaha tapak semaian , pembekal input dan peralatan pertanian, dan lain-lain produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan landskap.
- Khemah , kipas dan bekalan elektrik disediakan.
- Sewa gerai adalah RM 400 untuk tiga hari iaitu 23 hingga 25 Mei 2008 .

#### **5. Pameran Bonsai**

- Khas untuk persatuan Bonsai Miri sahaja.
- Kategori dan syarat penyertaan akan diurus oleh Persatuan Bonsai Bandaraya Miri

#### **6. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan landskap**

- terbuka kepada semua .
- Aktiviti meliputi demonstrasi produk atau perkhidmatan , pertunjukkan dan pameran .
- Aktiviti yang berkaitan dengan rekreasi dan landskap sahaja dibenarkan dan tertakluk kepada kelulusan daripada Majlis .